

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT, 'LOCAL AGENDA 21'
DAN PEMBANGUNAN MAMPAN
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL.3/2018**

Tarikh : 18 Disember 2018 (Selasa)
Masa : 3.00 petang – 5.00 petang
Tempat : **Bilik Mesyuarat Semarak, Tingkat 4,
Majlis Perbandaran Sepang
Cyberjaya, Selangor**

KEHADIRAN

1. Tuan Muhammad Hafiz bin Shaari, - Pengerusi
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang
2. Encik Lwi Kian Keong,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon KLIA
3. Encik Gun Chee Hui,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Kota Warisan
4. Encik Lee Kang Ming,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Timah Langat
5. Encik Mohd Shafinye bin Mohd Nasoha,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Arked
6. Encik Mohd Syamsol bin Md Shariff,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Taman Mas & Putra Prima
7. Encik Rushdan bin Mohamed,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Putra Perdana
8. Encik Hazimun Rahmat bin Mohammad,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Labu
9. Encik Yusop bin Md Dohop,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Bandar Bukit Puchong

10. Encik Mohd Syahrul Amri bin Mat Sari,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Jenderam
11. Encik Muhamad Mizan Adli Bin Mohd Noor
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Pinggiran Putra
12. Sarjan Mejar (S.M) Zakaria Hassan
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang
13. Encik Mohd Rezal
Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Sepang
14. Puan Zarifah Hanis Binti Mat Saat
PlanMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar Negeri Selangor)
15. Encik Mohd Khairul Bin Kamaruddin
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Selangor
16. Encik Mohd Rashidi Bin Ab Raof
Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Sepang
17. Encik Zaiffullah Jaafar Shidek
Pejabat Agama Islam Daerah Sepang
18. Wakil Malaysia Green Technology Corporation (Greentech) Malaysia
19. Encik Steve Anthony Lojuntin
Ketua Unit Tenaga, *Energy Demand Management (EDM) Unit*
Sustainable Energy Development Authority M'sia (SEDA)
20. Encik Mohd Shah Hambali Ariffin
Sustainable Energy Development Authority M'sia (SEDA)
Energy Demand Management (EDM) Unit
21. Encik Ikhwanul Hakim
Kickstart Academy
22. Encik Shafiq
WAU Animation
23. Encik Faiz
WAU Animation
24. Encik Farouk Jamaluddin
MAEVI Sdn. Bhd.
25. Encik Mohd Firdaus Ismail
MAEVI Sdn Bhd

26. Encik Izham Ismail
MAEVI Sdn Bhd
27. Encik Mohamad Adam Ghaus
MAEVI Sdn Bhd

TURUT HADIR

28. Puan Rozeta binti Md. Yusuf
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
29. Encik Irwan Rizadi Bin Salehaped
Penolong Jurutera, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Sepang
30. Encik Amirul Adzhim Bin Zainul Anuar
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Sepang
31. Cik Arefah Binti Rahim
Pengarah, Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang
32. Encik Sulaiman Bin Abi Hashim
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
33. Encik Mohamad Firdaus Bin Mohamad Marji
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat,
Majlis Perbandaran Sepang
34. Encik Kuzaini Bin Hamidon
Pengarah, Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran
35. Puan Nur Azlina Binti Afrizil
Penolong Pegawai, Jabatan Perlesenan Dan Pengurusan Penjaja
Majlis Perbandaran Sepang
36. Encik Mohd Azran Bin Musa,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasa, Majlis Perbandaran Sepang
37. Encik Wan Mohd Faiz Bin Wan Mohd Nor
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian, Majlis Perbandaran Sepang
38. Encik Mohamad Shahidan Bin Hashim
Ketua, Unit Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
39. Puan Suhana Binti Mohd Soib
Penolong Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Sepang
40. Encik Ahmad Zakwan Bin Mohd Affandi
Penolong Pegawai, Unit Tender dan Kontrak, Majlis Perbandaran Sepang

41. Puan Suhana Binti Shazali
Ketua, Unit Integriti, Majlis Perbandaran Sepang

URUSETIA

42. Encik Mohd Adham bin Hj Mahmood,
Penolong Pengarah@Ketua, Bahagian Teknologi Hijau & Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
43. Encik Ibnu Walid bin Zaaba
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Unit Bandar Selamat & LA21, Bahagian Teknologi Hijau & Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
44. Puan Norhedawatie Zainuddin,
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Unit Teknologi Hijau & Smart City, Bahagian Teknologi Hijau & Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
45. Encik Raja Shamin Bin Raja Mohamed Naguib,
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Unit Teknologi Hijau & Smart City, Bahagian Teknologi Hijau & Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
46. Puan Norlizawati Binti Samsuddin,
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Unit Pelaburan, Bahagian Teknologi Hijau & Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

47. Dr. Teo Lian Seng,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon BBST Selatan
48. Encik Norehan Bin Amat Kasman
Ketua Unit Korporat Dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Sepang
49. Hj Mohd Nor Amiruddin Bin Ab Karim
Ketua, Unit Undang-undang, Majlis Perbandaran Sepang
50. Encik Badrul Bin Rahim
Ketua, Unit Pusat Setempat, Majlis Perbandaran Sepang
51. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)
52. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Selangor

53. Jabatan Imigresen Negeri Selangor
54. Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Daerah Sepang
55. Jabatan Belia & Sukan Daerah Sepang
56. Pejabat Kesihatan Daerah Sepang
57. Jabatan Pendidikan Daerah Sepang
58. Pejabat Pembangunan Negeri Selangor (Zon Sepang dan Hulu Langat)
59. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sepang

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENERUSI

Timbalan Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sepang selaku penerusi mesyuarat mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.

Jawatankuasa ini telah mencapai KPI iaitu telah bersidang tiga (3) kali setahun. Jawatankuasa ini lebih memfokuskan aspek-aspek Bandar Selamat, Local Agenda 21 serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan Mampan. Tuan Penerusi juga memohon kerjasama semua pihak khususnya agensi-agensi yang terlibat di dalam Jawatankuasa ini berperanan mengikut fungsi jabatan masing-masing.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.2/2018

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.2/2018 disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Cadangan Perlaksanaan 'Bike Share' Di Cyberjaya / Daerah Sepang

Susulan penarikan operasi Bike Share oleh syarikat OFO dan Oblke daripada Malaysia, Pihak MPSepang bersama Stakeholder (Cyberview Sdn Bhd) telah meninjau 'eScooter bike electric' yang kini menjadi tren komuniti masa kini. Syarikat-syarikat yang berpotensi akan dikenalpasti.

Tindakan :
Majlis Perbandaran Sepang
Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Penguatkuasaan
Jabatan Kejuruteraan
Jabatan Pelesenan & Pengurusan Penjaja
Cyberview Sdn Bhd

3.3 Cadangan Bengkel / Latihan Asas Pengurusan Kecekapan Tenaga 'Energy Efficiency' dan Pelaksanaan MS1525 (Malaysian Code Standard Energy Efficiency & Renewable Energy) Kepada Pihak Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang Secara Kolaborasi dengan SEDA Malaysia

Latihan / bengkel ini telah diadakan pada **11-12 Oktober 2018** dengan penglibatan daripada Pegawai dan Kakitangan MPSepang yang terlibat secara langsung dalam Audit Tenaga Bangunan MPSepang

Susulan bengkel tersebut juga, pihak MPSepang dan SEDA Malaysia juga telah 'review' laporan dan cadangan Polisi Pengurusan Tenaga di peringkat Majlis Perbandaran Sepang.

Perincian laporan dan pembentukan Polisi tenaga, perincian pasukan kerja, skop kerja dan strategik serta Pelan Tindakan Jangka pendek dan Jangkamasa panjang akan dibentangkan pada 18 Disember 2018.

Tindakan :
*Smart Energy Committee (SEC) MPSepang
SEDA Malaysia*

3.4 Pelaksanaan Dan Penglibatan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Dalam Green Technology Application For The Development Of Low Carbon Cities (GTALCC) Project

Merujuk kepada surat SEDA Malaysia bertarikh 4 Jun 2018, Tiga (3) aktiviti utama di bawah GTALCC ini iaitu :

i) Sesi Training bagi Penggunaan Aplikasi Sistem 'Smart Waste' Bagi Perumahan Berbilang Tingkat. Pilot Projek di Cyberjaya

Satu mesyuarat bersama agensi / syarikat yang berkaitan akan diadakan pada awal tahun 2019 dan perkara berkaitan kebolehlaksanaan di dalam skop PBT akan diteliti semula memandangkan kerja-kerja kutipan sampah domestik telah diambil alih oleh KDEB bermula pada 1 September 2018.

Tindakan :
*Jabatan Kesihatan Persekitaran
Jabatan Perancangan Bandar &
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
KDEB Waste Management
GeoInfo Services Sdn Bhd*

ii) Promosi Urban Farming dan Community Garden

Promosi ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan dan pihak MNC (Multi-Nasional Company) khususnya akan dijemput sama untuk turut sert bagi melaksanakan 'Urban Farming' dan 'Community Garden' di persekitaran Pejabat yang berkonsepkan 'MyOffice MyFarm'.

Pihak GTALCC bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM10 Ribu bagi mempromosi 'Urban Farming' dan 'Community Garden' di Cyberjaya. Pihak MPSepang akan melaksanakan promosi setelah peruntukan diperolehi. Untuk permulaan, konsep MyOffice MyFarm yang telah dilancarkan pada 20 Disember 2017 oleh Dato' YDP di perkarangan MPSepang akan dijadikan sebagai rujukan / konsep pembangunan.

Tindakan :
*Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Landskap
& SEDA Malaysia (Team GTALCC)*

iii) Latihan dan 'Teach-In' 'Selangor Intelligent Transport System' (SITS)

Mobile Apps SITS ini telah dilaksanakan oleh pihak Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), Menteri Besar Incorporated (MBI). Justeru itu, satu (1) sesi training akan diadakan bersama pihak SSDU, MBI pada tahun 2019.

Tindakan :

*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
SEDA Malaysia (GTALCC)
SSDU, MBI*

3.5 Cadangan Pelaksanaan EPC (Energy Performance Contract) Bagi Pemasangan Lampu LED (Light Emitting Diode) Di Cyberjaya Di Bawah Inisiatif 'Smart & Low Carbon City', Majlis Perbandaran Sepang

Sesi lawatan ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah diadakan pada 28 hingga 30 November 2018 dan beberapa potensi telah dikenalpasti dan cadangan ini akan dibentangkan oleh Jabatan Kejuruteraan dalam mesyuarat akan datang khususnya dari aspek 'business model' untuk pelaksanaan EPC di peringkat MPSepang.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

3.6 Cadangan Pelaksanaan 'Food Waste Composting' Peringkat Majlis Perbandaran Sepang di bawah inisiatif 'Smart & Low Carbon City' MPSepang ; Pilot Projek : Belakang Kafeteria, MPSepang

Bengkel Training for Trainers Food Waste Composting (FWC@Sepang) dan Program Food Waste Composting ini telah dilaksanakan pada 20 Disember 2017. Keberhasilan projek ini akan dipantau oleh Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Landskap, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta.

Bagi memastikan projek ini berterusan, konsep Training for Trainers (T&T) perlu diteruskan dan satu Pelan Tindakan 'Food Waste Composting (FWC) akan disediakan dengan bantuan daripada SWCorp dan juga pihak MARDI.

Cadangan 'Insentif' kepada pengusaha Kantin atau lain-lain cadangan akan diteliti semula bagi menggalakkan lebih ramai pengusaha kantin / peniaga melaksanakan FWC ini. Cadangan penyediaan Pelan Tindakan ini akan disediakan pada tahun 2019.

Tindakan :

*Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Landskap
Jabatan Penilaian, Pengurusan Kantin MPSepang
Jabatan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kawalan Bangunan*

3.7 **Cadangan Kajian Kesejahteraan Penduduk Daerah Sepang oleh Universiti Islam Malaysia (UIM) dan MPSepang**

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju terhadap cadangan kaji selidik kesejahteraan bandar ini. Walaubagaimanapun, segala kos membiayai bagi melaksanakan kajian ini adalah di bawah tanggungjawab UIM (Universiti Islam Malaysia). Pihak UIM telah diminta untuk merujuk kepada indikator-indikator pembangunan mampan di dalam Gerbang MURNInet yang telah disediakan oleh PlanMalaysia.

Tindakan :
*Universiti Islam Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar, MP Sepang
Semua Jabatan*

3.9 **“Detail Site Suitability and Business Model Study for on-site Waste Processing” di Bawah Komponen 3 (GTALCC) : Low Carbon Technology Investments in Cities oleh SEDA Malaysia**

Kajian ini telah siap sepenuhnya dan juga telah dibentangkan semasa IGEM 2018 pada Oktober 2018 yang lalu. Tindakan selanjutnya adalah untuk mengadakan perbincangan dengan pihak KDEB atau arahan lanjut samada daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan kerana ia melibatkan sejumlah pelaburan yang tinggi.

Nota :

Kajian ini melibatkan projek di bawah GTALCC (Green Technology Application Low Carbon City) dengan peruntukan kajian daripada SEDA Malaysia dan UNDP dengan kos RM60 Ribu Sahaja dengan cadangan kos RM50 Ribu dibiayai oleh pihak SEDA Malaysia dan RM10 Ribu daripada pihak MPSepang. Perincian adalah seperti berikut :

- Profesional Fee kajian : RM50,000 (SEDA Malaysia)*
- Waste Characterisation Study : RM10,000 (MPSepang)*

Muhamad Adan Yusof, CEO Mensilin Green Energy Sdn Bhd, (Perunding yang dilantik oleh SEDA Malaysia). Kajian ini telah siap sepenuhnya dan juga telah dibentangkan semasa IGEM 2018 pada Oktober 2018 yang lalu. Tindakan selanjutnya adalah untuk mengadakan perbincangan dengan pihak KDEB atau arahan lanjut samada daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan kerana ia melibatkan sejumlah pelaburan yang tinggi.

Tindakan :
*Jabatan Kesihatan Persekitaran
Jabatan Perancangan Bandar
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
KDEB Waste Management*

3.10 Cadangan Pertandingan Penjimatan Tenaga Elektrik dan Air Anjuran Majlis Perbandaran Sepang bersama Kerajaan Negeri Selangor (Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor)

Penyampaian hadiah kepada para pemenang akan diadakan pada **19 Disember 2018 (Rabu)** di Majlis HiTea / Majlis Penghargaan Pembangunan Mampan dan Inisiatif Hijau @Sepang.

*Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar*

3.11 Cadangan Penilaian Bandar Rendah Karbon Bagi Zon Cyber 1, Cyberjaya Seluas 401.92 Hektar (993.16 Ekar) (Tahun 2016 – 2018) Secara ‘City Based Approach’ Untuk Majlis Perbandaran Sepang

Mesyuarat secara dasar bersetuju bagi pemilihan Zon / Cyber 1, Cyberjaya sebagai Pilot Projek dan seterusnya menyediakan satu (1) dokumen LCCF Cyber 1 untuk dikemukakan kepada Greentech Malaysia bagi tujuan penilaian

Sesi Teach in Siri 2 juga telah diadakan pada 26 – 27 November 2018. Dokumen / Laporan akan dikemukakan kepada pihak Greentech Malaysia dijangkakan pada Mac 2019. Sehingga kini dalam proses pengumpulan data tambahan serta dokumentasi.

*Tindakan :
Pasukan Kerja ‘Smart SLCC’ MPSepang
Tenaga Nasional Berhad*

3.12 Status Pemantauan, Penyelenggaraan dan Operasi 32 Unit CCTV Di Bawah Projek MERS999 / Bandar Pintar Cyberjaya dan 50 Unit CCTV Di Bawah Projek Selangor State CCTV Untuk Daerah Sepang

Keberkesanan penggunaan CCTV ini akan dibuat analisa samada membantu mengurangkan jenayah atau aliran trafik. Pihak syarikat Vads Lyfe dan pihak Polis di minta untuk membuat analisa impak atau tahap keberkesanan CCTV. Satu ‘Task Force’ akan dibentuk melibatkan pelbagai Jabatan dan Agensi akan dilaksanakan pada tahun 2019.

*Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar
Unit Teknologi Maklumat (ICT)
Jabatan Penguatkuasaan
VadsLife Sdn Bhd
IPD Sepang / Balai Polis Cyberjaya
Cyberview Sdn Bhd*

4.0 PERKARA YANG DI BINCANGKAN

4.1 KERTAS 1 : Cadangan Polisi Pengurusan Tenaga Dan Pembentukan 'Smart Energy Committee' (SEC MPSepang) Bagi Pelaksanaan Program Kecekapan Tenaga (Elektrik & Air) Untuk Bangunan Majlis Perbandaran Sepang Dengan Kerjasama 'Sustainable Energy Development Authority Malaysia' (SEDA Malaysia)

Susulan Bengkel Asas Pengurusan dan Kecekapan Tenaga serta pemakaian 'Malaysian Standard' : Code of Practice on Energy Efficiency (MS1525) ke arah bangunan rendah karbon di bawah Program 'Smart & Low Carbon City', Majlis Perbandaran Sepang bersama pihak SEDA Malaysia pada 11 hingga 12 Oktober 2018. Satu Polisi pengurusan tenaga telah dibentuk dengan ringkasan seperti berikut :

Polisi Pengurusan Tenaga Majlis Perbandaran Sepang

MPSepang beriltizam dan komited untuk melaksanakan pengurusan tenaga dengan cekap dan berkesan secara berterusan berdasarkan amalan terbaik.

Objektif

Merangka dan melaksana gerak kerja yang strategik ke arah penurunan penggunaan **tenaga elektrik** secara berterusan.

Strategi Sasaran Segera (Bulan Pertama Pelaksanaan):

- Menubuhkan Jawatankuasa dan pasukan kerja dari pelbagai latar belakang/kepakaran yang diketuai oleh pengurusan tertinggi;
- Menyediakan pelan strategik/tindakan (polisi) sebagai dokumen rasmi pengurusan tenaga;
- Melantik **penyelaras EKSA** bagi memperkasakan hebahan program pengurusan tenaga; dan
- Memberikan latihan pembangunan modal insan merangkumi latihan kesedaran kepada semua kakitangan dan latihan teknikal kepada pegawai berkenaan.

Strategi Jangka Pendek (2019 & berterusan):

- Pengurangan Penjimatan Tenaga (kWh) sebanyak 5% setahun;
- Penambahbaikan berterusan dalam pengurusan tenaga;
- Penyampaian maklumat dan hebahan kepada setiap warga kerja; dan
- Mewujudkan budaya penjimatan/amalan cekap tenaga dan kesedaran untuk tidak membazir tenaga melalui latihan dan program kesedaran tenaga di kalangan kaki tangan
- Menaik taraf fasiliti pejabat kepada yang lebih cekap tenaga dan kos efektif; dan

- Mengumpul data penggunaan tenaga secara bulanan untuk penambahbaikan, penilaian dan pemantauan berterusan.

Tanggungjawab

- Diketuai oleh Yang Dipertua (YDP);
- Ahli Jawatankuasa
- Pasukan kerja 'Smart Tenaga' - *Smart Energy Committee*;

Kaedah Komunikasi

- Pelaporan berkala ke Jawatankuasa Utama/Pemandu dipengerusikan oleh YDP;
- Penghebahan maklumat kesedaran di kalangan kakitangan melalui Laman web/portal, poster/risalah, perhimpunan bulanan/pagi dan media digital (tidak terhad).


Tarikh Berkuatkuasa

1 Januari 2019

Perincian 'Smart Energy Committee' (SEC MPSEPANG) Bagi Pengurusan Tenaga Bangunan MPSepang



CADANGAN 'SMART ENERGY COMMITTEE' MPSEPANG UNTUK BANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (2019 – 2025)



KEPUTUSAN MESYUARAT

- a. Mesyuarat secara dasar bersetuju bagi cadangan pembentukan Polisi Pengurusan Tenaga bagi bangunan Majlis Perbandaran Sepang.
- b. Mesyuarat bersetuju terhadap pembentukan 'Smart Energy Committee' Majlis Perbandaran Sepang
- c. Mesyuarat bersetuju melantik Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan sebagai 'Energy Manager' dan Jabatan-jabatan yang terlibat dengan perincian struktur organisasi seperti di atas.
- d. Pengurusan Polisi Pengurusan Tenaga ini juga akan dibantu oleh pihak SEDA Malaysia.

Tindakan
'Smart Energy Committee' MPSepang
SEDA Malaysia

4.2 KERTAS 2 : Pelaporan Dan Penyediaan Pelan Tindakan Pelaksanaan Kebun Kejiranan, Majlis Perbandaran Sepang (2019-2025)

Satu kajian audit pelaksanaan program kebun kejiranan di bawah program LA21 telah dijalankan pada bulan Julai 2018. Susulan daripada kajian audit tersebut, satu pelan tindakan telah dihasilkan bagi menyelaraskan serta menentukan hala tuju pelaksanaan kebun kejiranan di peringkat Majlis Perbandaran Sepang.

Hasil daripada audit kajian pelaksanaan kebun kejiranan, sebanyak empat (4) lokasi kebun kejiranan yang masih aktif dan satu (1) kebun kejiranan tidak aktif.

Bil.	Kebun Kejiranan	Status
1.	Kebun Kejiranan Pangsapuri Baiduri Court	Aktif
2.	Dusun Taman Arked	Aktif
3.	Kebun Komuniti Taman Lestari Permai	Aktif
4.	Eco Dusun@Clover Residence Cyberjaya	Tidak Aktif
5.	Kebun Komuniti 'MyOffice MyFarm' MPSepang	Aktif

Pelan tindakan kebun kejiranan ini mempunyai empat (4) strategi utama dan dua puluh (20) sub-strategi yang telah digariskan bagi memastikan pelaksanaan program kebun kejiranan mencapai visi di masa akan datang. Perincian Pelan Tindakan Komuniti akan dibuat edaran dalaman.

Strategi Pelan Tindakan Kebun Kejiranan MPSepang (2019-2025)

- Strategi 1 : Pemerksaan Peserta Program Kebun Kejiranan
- Strategi 2 : Meningkatkan Penglibatan Majlis dan Agensi Kerajaan
- Strategi 3 : Mempromosikan Program Kebun Kejiranan
- Strategi 4 : Mewujudkan Ikon Kebun Kejiranan MPSepang

KEPUTUSAN MESYUARAT :

- Mesyuarat mengambil maklum Audit Kebun Komuniti yang dilaksanakan secara 'in-house' oleh Jabatan Perancangan Bandar ;
- Mesyuarat memperakukan dan menerimapakai Pelan Tindakan Kebun Komuniti MPSepang (2019 – 2025)
- Mesyuarat Bersetuju Pelan Tindakan Kebun Komuniti MPSepang diedarkan kepada komuniti setempat.

Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar (Sekretariat)
Ahli Majlis MPSepang
Semua Jabatan MPSepang*

4.3 KERTAS 3 : Pelaporan dan Penyediaan Panduan Pelaksanaan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED – *Crime Prevention Through Environmental Design*), Bandar Pintar dan Rendah Karbon oleh Majlis Perbandaran Sepang (2019 – 2025)

Penyediaan panduan pelaksanaan ini adalah susulan daripada Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat (CPTED), Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar peringkat Majlis Perbandaran Sepang. Kajian kes : Bandar Cyber South pada 3 Mei 2018.

Pembangunan Bandar Selamat, Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Sepang sejak tahun 2007. Pelaksanaan mengikut tahun seperti berikut:

Tahun	Status Pelaksanaan
2004	Program Bandar Selamat dikuatkuasakan oleh Unit Khas NKRA JPBD Semenanjung
2007	Pelaksanaan program Bandar Selamat di peringkat MPSepang
2008	Program Bandar Selamat disyaratkan di dalam Arahan Pematuhan Kebenaran Merancang
2009	Program Bandar Rendah Karbon dikuatkuasakan melalui Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan oleh KeTTHA
2011	Pelaksanaan program Bandar Rendah Karbon di peringkat MPSepang
2016	Program Bandar Pintar dikuatkuasakan melalui 'Smart

Tahun	Status Pelaksanaan
	Selangor Blueprint' oleh MBI
2017	Pelaksanaan program Bandar Pintar di peringkat MPSepang

Objektif Laporan

- Menjadi panduan bagi pelaksanaan elemen bandar selamat, bandar rendah karbon dan bandar pintar.
- Memastikan elemen cadangan bandar selamat, bandar rendah karbon dan bandar pintar diterjemah di dalam cadangan reka bentuk pembangunan.
- Menyelaras pelaksanaan elemen bandar selamat, bandar rendah karbon dan bandar pintar di peringkat Majlis Perbandaran Sepang.

Elemen yang Terlibat

Elemen Bandar Selamat

- Laluan Pejalan Kaki & Sikal
- Pencahayaan
- Kamera Litar Tertutup (CCTV)
- Tempat Letak Motosikal Berkunci

Elemen Bandar Pintar

- Rezab Laluan Fiber Optik
- Rezab Menara Telko
- Pusat Kawalan 'Data Centre'
- 'Smart Infrastructure'

Elemen Bandar Rendah karbon

- 'Green Linkage'
- 'Green Transportation'
- 'Green Building'
- Pengurusan Sisa Pepejal

KEPUTUSAN MESYUARAT

- a. Bersetuju terhadap penyediaan Garispanduan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED), Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon, Majlis Perbandaran Sepang (2019 – 2015).
- b. Bersetuju memperakukan dan menerima pakai Panduan Garispanduan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED), Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon, Majlis Perbandaran Sepang (2019 – 2015) dan diedarkan kepada Jabatan Teknikal dan Perunding yang terlibat.

Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan Teknikal MPSepang & Luar*

4.4 **KERTAS 4 : Cadangan Meningkatkan Tahap Kesedaran Awam Berhubung Pembangunan Bandar Pintar (Smart City), Kempen Cekap Tenaga & Pembangunan Mampan Melalui Hebahan Animasi Secara Kolaborasi antara Majlis Perbandaran Sepang dan Wau Animation Sdn Bhd.**

Wau Animation Sdn Bhd yang terkenal dengan siri Animasi Ejen Ali dan telah dijemput sebagai Maskot semasa Seminar SmartCity@Sepang dan pelancaran 'Cyberjaya : Smart & Low Carbon City Blueprint' pada 28 November 2017. Walaubagaimanapun, Ejen Ali telah dimiliki hakciptanya oleh Media Prima Sdn Bhd. Justeru itu, pihak Wau Animation Sdn Bhd telah mendapati bahawa pihak MPSepang mempunyai banyak dan kolaborasi dalam pembangunan berorientasikan Smart City khususnya di Cyberjaya.

Justeru itu, pihak Wau Animation bercadang untuk berkolaborasi dengan pihak MPSepang dengan mencipta satu ikon baru bagi mempromosikan dan meningkatkan kesedaran awam melalui animasi Video Pendek berkaitan kepentingan pelaksanaan 'Smart City'. Pembentangan disampaikan oleh Encik Mohd Safiq Isa sebagai wakil syarikat Wau Animation Sdn Bhd. Cadangan karektor Smart City yang dicadangkan adalah 'Kapten Sepang'. Walaubagaimanapun, nama tersebut masih belum dimuktamadkan dan boleh dipinda.

Pilihan 1 : 'Design' SADO



Pilihan 2 : Design 'Stylo'



KEPUTUSAN MESYUARAT :

- a. Mesyuarat secara dasarnya tiada halangan terhadap cadangan kolaborasi tersebut. Walaubagaimanapun, perincian terhadap pemilihan 'karektor' dan namanya samada Kapten Sepang dan sebagainya masih perlu diteliti.
- b. Mesyuarat secara dasarnya bersetuju tetapi perlu mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak Wau Animation Sdn Bhd daripada aspek modus operandi, implikasi kewangan, 'rollout plan' dan kaedah pelaksanaan untuk dimuktamadkan.


Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Unit Korporat & Perhubungan Awam, MPSepang
Wau Animation Sdn Bhd*

4.5 KERTAS 5 : Cadangan Pembangunan MAEVI (Smart Home Automation w/c Energy Efficiency Monitoring & Security) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) Secara Kolaborasi Dengan Majlis Perbandaran Sepang Oleh MAEVi Sdn Bhd (Anak Syarikat TNB)

MAEVI Sdn Bhd merupakan anak syarikat kepada Tenaga Nasional Berhad yang lebih memfokuskan kepada pembangunan 'Smart Homes' dan 'Management Energy for Building'

MAEVi mempunyai keupayaan untuk mengukur perkara-perkara yang disenaraikan di bawah.



Pemantauan penggunaan tenaga elektrik mengikut tingkat bangunan



KEPUTUSAN MESYUARAT :

- a. Mesyuarat secara dasarnya tiada halangan terhadap cadangan kolaborasi tersebut. Walaubagaimanapun, perincian terhadap kesesuaian penggunaan sistem yang dicadangkan oleh MAEVI akan dianalisa semula.
- b. Mesyuarat secara dasarnya bersetuju tetapi perlu mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak MAEVI Sdn Bhd daripada aspek modus operandi, implikasi kewangan, 'rollout plan' dan kaedah pelaksanaan untuk dimuktamadkan.

Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
SEC MPSepang*

4.5 KERTAS 6 : Cadangan Mengatasi Tren Ketagihan Gajet Dan Internet Oleh Kick Start Academy & Self Defence Secara Kolaborasi Antara Jabatan Pendidikan Sepang, Majlis Perbandaran Sepang Dan Green Hornet Sdn Bhd / Kick Start Academy

Pembentangan telah disampaikan oleh Master Saiful, Exco Yayasan Pencegahan Jenayah / Penasihat Kick Start Streetwise Self Defence. Berdasarkan perangkaan statistik dan isu-isu semasa yang dibentangkan, pihak MPSepang telah mengadakan lebih banyak kolaborasi bersama pihak sekolah, komuniti peniaga peringkat Daerah Sepang melalui siri berikut :

- Ceramah Interaktif
- Forum /dialog
- Bengkel
- Kursus jangka pendek (kem remaja)
- Demonstrasi Pencegahan & Survival Jenayah
- Lawatan sambil belajar

Perincian berhubung perkara-perkara ini boleh diakses di Facebook Kick Start Academy.

KEPUTUSAN MESYUARAT :

Mesyuarat secara dasarnya tiada halangan dan perlu dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan, peranan Ahli Majlis dan juga PDRM melalui 'Policing Community'.

Tindakan

PDRM

*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Pendidikan MPSepang
Semua Ahli Majlis*

5.0 HAL-HAL LAIN

Tiada

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguh pada jam 5.00 petang